



**KENYATAAN MEDIA
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEDAH**

**SYARIKAT PEMBUATAN BESI DIDAPATI BERSALAH KERANA GAGAL
MENJALANKAN PEMANTAUAN PENDEDAHAN BAHAN KIMIA BERBAHAYA
KEPADA KESIHATAN TERHADAP PEKERJANYA DAN GAGAL MENGHANTAR
PEKERJANYA YANG TERDEDAH ATAU MUNGKIN TERDEDAH KEPADA BAHAN
KIMIA BERBAHAYA KEPADA KESIHATAN MENJALANI PENGAWASAN
PERUBATAN**

Sungai Petani, 23 Julai – Sebuah syarikat pembuatan besi hari ini telah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sesyen Sungai Petani selepas mengaku bersalah atas dua kesalahan iaitu gagal menjalankan pemantauan pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan iaitu Chromium (III) terhadap pekerjaanya dan gagal menghantar pekerjaanya yang terdedah atau mungkin terdedah kepada bahan kimia berbahaya kepada kesihatan yang disenaraikan dalam Jadual II iaitu Chromium (III) untuk menjalani pengawasan perubatan. Hakim Puan Priscilla Hemamalini a/p Nadarajan telah mengarahkan syarikat tersebut membayar denda sebanyak RM 8,000.00 atau penjara selama 8 bulan sekiranya gagal membayar denda bagi setiap satu kesalahan.

Syarikat pembuatan besi ini telah dituduh melakukan kesalahan di bawah Peraturan 26(1) dan 27(3), Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan) 2000, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Pendakwaan telah dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa yang dilantik dari JKPP Kedah, Mohd Najib Bin Anuar. Siasatan terhadap kes ini pula telah dijalankan oleh pasukan penyiasat yang diketuai oleh Abidah Binti Abd. Rahman.

###

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kedah

23 Julai 2018